

Sarawak sokong aktiviti penyelidikan dan penerbitan buku

Dana disediakan

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Isnin-Kerajaan Negeri sentiasa bersikap terbuka dan menyokong pelbagai aktiviti akademik dan penyelidikan yang dijalankan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerusi penyaluran dana.

Menteri Tugas-Tugas Khas di Pejabat Ketua Menteri Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Haji Satem berkata, pemberian dana untuk penerbitan buku kepada Kursi Nusantara, Institut Pengajian Asia Timur (IPAT), UNIMAS menunjukkan komitmen kerajaan kepada pembangunan semua etnik di Sarawak bagi memudahkan penyelidikan dijalankan.

Menurutnya, sejumlah RM29,000 telah disalurkan pada 23 Oktober lalu untuk tujuan itu.

"Dengan dana ini lebih mudah penyelidikan berkenaan etnik- etnik dilakukan, selepas penyelidikan dibuat amat penting ia dibukukan, hal ini akan memudahkan penyelidikan berkongsi penemuan dalam kajian yang dibuat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Buku Terbitan IPAT, UNIMAS di Rumah Universiti,



SERAH... Tan Sri Datuk Amar Adenan Haji Satem menyampaikan salinan buku Terbitan IPAT Tahun 2013 kepada wakil institusi tempatan pada Majlis Pelancaran Buku Terbitan IPAT di Bilik Galeri, Aras 1, UNIMAS, Kota Samarahan, semalam. •KEVIN TAN

UNIMAS di sini hari ini.

Katanya, penyelidikan yang hebat tidak menjadi penting apabila hanya disimpan di rak penyelidikan, ia harus disebar dan dikembangkan kepada masyarakat di luar universiti.

"Saya berharap pelancaran buku ini bukanlah kali terakhir untuk Kerusi Nusantara, IPAT, bagi Kerajaan Negeri Kursi Nusantara, Kerusi Dayak dan

Kursi Sino Borneo merupakan hubungan langsung kerajaan dan UNIMAS," ujarnya.

Katanya, sekitar 40 tahun yang lalu, Tom Harrison telah menerbitkan buku berjudul *The Malay Of South-West Sarawak Before Malaysia*, yang telah menjadi rujukan umum kepada sesiapa sahaja yang ingin mengkaji Melayu Sarawak dari padanya aspek pembangunan sosio-

ekonomi dan pembangunan intelektual masyarakat ini, usaha ini patut dijadikan contoh kepada ahli akademik.

"Saya dapat kelompongan yang ditinggalkan oleh Tom Harrison ini kini diambil alih oleh kajian di IPAT, kajian pesisir telah dibuat dari Tanjung Datu, Telok Melano hingga ke arah timur ke Muara Tebas," jelasnya.

Katanya, dari segi sejarah kepulauan ini pernah mendapat perhatian tokoh terkemuka dunia seperti Albert Russel Wallace, Joseph Conrad, Emilio Salgari yang menggunakan dunia Borneo-Kalimantan sebagai sumber kajian dan penulisan mereka.

"Buku Malay Archipelago karya Albert Russel Wallace sering digunakan dalam kajian Melayu Nusantara, dalam buku ini juga kita dapat tahu bahawa beliau mempunyai hubungan baik dengan Charles Darwin, pendiri teori evolusi yang terkenal," tambahnya.

Beliau menyatakan kini peluang besar kepada sarjana tempatan untuk menerokai sendiri khazanah di Borneo-Kalimantan secara lebih aktif dan dinamik.

"Hubungan yang baik dengan universiti di sekitar seperti Universiti Brunei Darussalam, Universitas Tanjung Pura, Universitas Palangkaraya, Universitas Tarakan, Universiti Mulawaman, Universitas Lambung Mangkurat perlu dinamis," katanya.

Katanya, kerjasama perlu dijalankan dengan universiti seumpama itu untuk kajian yang lebih menyeluruh, penyelidikan bersama merupakan kata kunci kepada penjimatan dana dan tenaga.